

PELAKSANAAN PENGUATKUASAAN PERINTAH TEMBAKAU 2005 OLEH PEGAWAI-PEGAWAI YANG DIBERI KUASA

1. Perintah Tembakau 2005 adalah suatu Perintah untuk melarang iklan-iklan berkenaan dengan merokok, untuk mengawal penggunaan produk tembakau, untuk mengawal penjualan, promosi, pembungkusan dan perihalan perniagaan produk tembakau, untuk melarang merokok di tempat-tempat dan kenderaan-kenderaan tertentu dan untuk mengadakan peruntukan bagi perkara-perkara yang berhubung dan bersampingan dengannya.
2. Penguatkuasaan Perintah Tembakau 2005 dilaksanakan oleh Pegawai-pegawai yang Diberi Kuasa yang dilantik oleh Menteri, dengan titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dengan pemberitahuan yang disiarkan dalam *Warta Kerajaan* sebagaimana yang ditetapkan di bawah **Bab 23(1) Perintah Tembakau 2005**.
3. Pegawai-pegawai yang Diberi Kuasa di bawah Perintah Tembakau 2005 diberi kuasa untuk menangkap tanpa waran mana-mana orang yang disyaki dengan munasabah telah melakukan suatu kesalahan di bawah Perintah Tembakau 2005 sebagaimana yang ditetapkan di bawah **Bab 24(1) Perintah Tembakau 2005**.
4. Berkenaan dengan suatu kesalahan di bawah Perintah Tembakau 2005, seseorang Pegawai Yang Diberi Kuasa mempunyai kuasa-kuasa untuk menyiasat sama seperti seorang pegawai polis di bawah Penggal XIII Kanun Peraturan Jenayah (Penggal 7) sebagaimana yang ditetapkan di bawah **Bab 24(9) Perintah Tembakau 2005**.
5. Pegawai Yang Diberi Kuasa dibolehkan, pada setiap waktu yang munasabah, menjalankan kuasa-kuasa seperti yang tersenarai di bawah **Bab 25 Perintah Tembakau 2005** bagi maksud memastikan sama ada sebarang kesalahan di bawah Perintah Tembakau 2005 telah dilakukan, termasuk memasuki mana-mana premis perniagaan, dan merampas dan menahan sebarang iklan, produk tembakau, produk tembakau tiruan atau dokumen yang dipercayai boleh dikehendaki sebagai keterangan atas mana-mana kesalahan di bawah Perintah ini.
6. Pegawai Yang Diberi Kuasa boleh mengenakan kompaun dalam jumlah yang telah ditetapkan ke atas mana-mana orang yang melakukan kesalahan Perintah Tembakau 2005 yang telah ditetapkan sebagai suatu kesalahan yang boleh dikompaun sebagaimana yang dinyatakan dalam **Peraturan-Peraturan Tembakau (Komposisi Kesalahan), 2007**.
7. Setiap Pegawai Yang Diberi Kuasa memiliki Kad Kuasa (*Warrant Card*) masing-masing yang digunakan ketika melaksanakan tugas penguatkuasaan bagi pengenalan diri.
8. Pegawai Yang Diberi Kuasa tidak diberi kuasa untuk menerima sebarang bayaran kompaun sama ada di luar atau pun dalam pejabat. Semua bayaran kompaun hendaklah dibuat di kaunter-kaunter penerimaan bayaran di Unit Kutipan Hasil di Kompleks Kementerian Kesihatan atau Pejabat Kesihatan Daerah-daerah.

9. Mana-mana orang yang dengan sengaja menghalang Pegawai Yang Diberi Kuasa yang bertindak menurut Perintah ini atau gagal memberikan, tanpa sebab yang munasabah, mana-mana Pegawai Yang Diberi Kuasa sebarang bantuan, maklumat atau dokumen lain yang mungkin dikehendaki dengan munasabah bagi maksud melaksanakan tugas-tugasnya di bawah Perintah ini, adalah melakukan kesalahan dan boleh jika sabit kesalahan dikenakan suatu denda tidak melebihi dari \$10,000, dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi dari satu tahun atau kedua-duanya sekali seperti yang ditetapkan di bawah **Bab 29(1) Perintah Tembakau 2005**.

10. Mana-mana orang yang membuat sebarang pernyataan yang diketahuinya sebagai palsu ketika memberi maklumat yang mungkin dikehendaki dengan munasabah oleh Pegawai Yang Diberi Kuasa bagi maksud melaksanakan tugas-tugasnya di bawah Perintah ini, adalah melakukan kesalahan dan boleh jika sabit kesalahan dikenakan suatu denda tidak melebihi dari \$10,000, dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi dari satu tahun atau kedua-duanya sekali seperti yang ditetapkan di bawah **Bab 29(2) Perintah Tembakau 2005**.